



## ANALISIS METODOLOGI BACAAN HAFS 'AN ASIM MENGIKUT TERTIB BAB USUL QIRA'AT BERDASARKAN MATAN HIRZ AL-AMANI WA WAJH AL-TAHANI

### [ANALYSIS OF THE METHODOLOGY OF READING HAFS 'AN ASIM ACCORDING TO THE ORDER OF CHAPTERS USUL QIRA'AT BASED ON MATAN HIRZ AL-AMANI WA WAJH AL-TAHANI]

M. JISMANI YUSOFF<sup>1</sup>, NOR HAFIZI YUSOF<sup>2\*</sup> & MUHAMAD HAMIDANI MUSTAPHA<sup>1</sup>

1 Department of al-Quran and Hadith Studies Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730 MALAYSIA. E-mail: jismaniyusoff@gmail.com, muha1402@yahoo.com

2\* Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: nhafizi@unisza.edu.my.

Corespondent Email: nhafizi@unisza.edu.my

Received: 19 August 2024

Accepted: 27 September 2024

Published: 7 October 2024

**Abstrak:** Ilmu *Qira'at* merupakan cabang ilmu yang sangat penting dalam memahami variasi bacaan al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Pembacaan al-Quran dalam pelbagai *Qira'at* yang diakui *mutawatir* mempunyai *manhaj* dan kaedah yang tertentu bagi setiap Imam-imam *Qira'at*. Salah satu *Qira'at* yang terkenal dan diamalkan secara meluas di dunia Islam pada hari ini ialah bacaan melalui Riwayat Hafs 'an 'Asim *Tariq al-Hirz* atau lebih popular dengan *Tariq al-Syatibi*. Meskipun bacaan Hafs 'an 'Asim merupakan bacaan yang paling popular, namun pemahaman tentang metodologi yang mendasarinya memerlukan kajian yang mendalam terhadap rujukan utamanya iaitu *Matan al-Syatibi*. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis metodologi bacaan Hafs 'an 'Asim mengikut susunan bab *Usul Qira'at* berdasarkan rujukan utama iaitu *Matan al-Syatibi* yang berjudul *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Kajian ini sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks. Pendekatan ini dipilih kerana matlamat utama kajian adalah untuk memahami dan menganalisis teks-teks yang berkait dengan bacaan Hafs berdasarkan susunan tertib bab dalam *Matan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa bagaimana Imam al-Syatibi menyusun kaedah-kaedah dalam *Usul Qira'at* yang sistematis melalui karyanya kemudiannya dapat diaplikasikan dalam bacaan *Qira'at* seperti bacaan Hafs 'an 'Asim. Ia juga memberi kefahaman bagaimana sesuatu *Qira'at* itu perlu kepada penelitian terhadap sumbernya yang muktabar.

**Kata kunci:** Hafs 'an 'Asim, Usul Qira'at, Matan Hirz al-Amani Wa Wajh al-Tahani

**Abstract:** The Ilmu *Qira'at* is a branch of knowledge that is very important in understanding the variations of reading the Qur'an that was revealed to the Prophet Muhammad SAW. The recitation of the Qur'an in various *Qira'ats* that are recognized as *mutawatir* has a specific *manhaj* and method for each *Qira'at* imam. One of the famous and widely practiced *Qira'at* in the Islamic world today is reading through the History of Hafs 'an 'Asim *Tariq al-Hirz* or more popularly *Tariq al-Syatibi*. Although Hafs 'an 'Asim's reading is the most popular reading, understanding the underlying methodology requires an in-depth study of its main reference, *Matan al-Syatibi*. Thus, this study aims to analyze the methodology of reading Hafs 'an 'Asim according to the order of *Usul Qira'at* chapters based on the main reference which is *Matan al-Syatibi* which is titled *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. This study fully uses a qualitative approach with text analysis methods. This approach was chosen because the main goal of the study is to understand and analyze texts related to Hafs reading based on the order of chapters in *Matan*

Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani. The results of the study show that how Imam al-Syatibi organizes the methods in Usul Qira'at which is systematic through his work can then be applied in reading Qira'at such as the reading of Hafs 'an 'Asim. It also gives an understanding of how a certain Qira'at is necessary for the study of its authoritative source.

**Keywords:** Hafs 'an 'Asim, Usul Qira'at, Matan Hirz al-Amani Wa Wajh al-Tahani

**Cite This Article:**

M. Jismani Yusoff, Nor Hafizi Yusof & Muhamad Hamidani Mustapha. 2024. Analisis Metodologi Bacaan Hafs 'An Asim Mengikut Tertib Bab *Usul Qira'at* Berdasarkan *Matan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* [Analysis Of The Methodology of Reading Hafs 'An Asim According to The Order of Chapters *Usul Qira'at* Based on Matan *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 1-12.

## PENGENALAN

Kajian terhadap Ilmu *Qira'at* secara praktikal, khususnya dalam bacaan Hafs 'an 'Asim, merupakan usaha penting dalam memahami variasi bacaan al-Qur'an yang *mutawatir* dan diakui sahih dalam bacaan al-Quran. Bacaan melalui Riwayat Hafs 'an 'Asim, yang menjadi salah satu bacaan paling meluas di dunia Islam hari ini berdasarkan kepada metodologi yang ditetapkan oleh Imam-imam Qira'at dan sumber utama seperti *Matan al-Syatibi* yang berjudul *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis teks ini bertujuan untuk mengkaji metodologi atau *manhaj* bacaan Hafs dengan meneliti susunan bab dalam *Usul Qira'at* berdasarkan karya Imam al-Syatibi. *Matan al-Syatibi* terkenal sebagai rujukan utama dalam memahami kaedah dan asas-asas dalam pengajian *Qira'at*. Imam al-Syatibi telah menyusun *Usul Qira'at* menerusi struktur yang bersistematis bukan sahaja membantu para pengkaji memahami variasi *Qira'at* dengan lebih mendalam bahkan dapat memberi panduan bacaan yang sahih menurut sesuatu riwayat.

## BIODATA RINGKAS IMAM HAFS

Nama sebenar beliau ialah Abu Umar Hafs bin Sulayman bin al-Mughirah bin Abu Dawud al-Asadi al-Kufi al-Bazzar al-Ghadiri. Beliau lebih dikenali dengan nama Hafs. Imam Hafs dilahirkan di Kufah pada tahun 90 Hijrah dan wafat pada tahun 180 Hijrah (Ibn al-Jazari, 2006). Beliau merupakan periyat kepada imam Asim yang paling alim dan mengambil bacaan Qiraat daripada gurunya secara *musyafahah* dan *talaqqi*. Beliau juga pernah menduduki kota Baghdad dan Makkah seterusnya menjadi *muqri'* yang terkenal (al-Zahabi, 1997). Berkata Ibn Main: "riwayat yang sahih yang diriwayatkan daripada Imam Asim ialah riwayat Hafs bin Sulayman". Beliau pernah berkata kepada Imam Asim: "Bacaan (wajah-wajah *Qira'at*) Abu Bakr (Imam Syu'bah) tidak sama dengan bacaanku" Berkata Imam Asim: "Aku membacakan kepadamu seperti mana dibacakan kepadaku oleh Abu Abd al-Rahman al-Sulami daripada Ali bin Abi Talib r.a, dan aku membacakan kepadanya (Imam Syu'bah) seperti mana dibacakan kepadaku oleh Zirr bin Hubaysy daripada Abd Allah bin Mas'ud" (al-Jazari, 1932).

## **BIODATA RINGKAS IMAM AL-SYATIBI**

Nama beliau ialah al-Qasim bin Fiirruh bin Khalaf bin Ahmad al-Syatibi al-Ru'aini al-Andalusi. Beliau dilahirkan pada akhir tahun 538 Hijrah di Syatibah, Andalus yang dikenali sekarang dengan nama Negara Sepanyol. Beliau wafat pada 28 Jamadil Akhir tahun 590 Hijrah dan dikebumikan di Kaherah. Beliau merupakan imam yang terkemuka dalam meriwayatkan *Qira'at* yang tujuh melalui kitabnya yang terkenal iaitu *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* atau lebih dikenali dengan *Matan al-Syatibi*. Beliau mempelajari al-Quran dan *Qira'at* daripada gurunya di Syatibah iaitu Abi Abdullah Muhammad bin Abi al-'As al-Nafari. Kemudian beliau merantau ke Balansiyyah iaitu sebuah kampung di Andalus dan berguru dengan gurunya yang terkenal iaitu Ibnu Huzayl. Disana beliau telah mempelajari Ilmu Hadith. Di sana juga beliau juga mendalami ilmu-ilmu lain seperti Kitab al-Sibawayh, al-Kamil karangan al-Mubarrad, Adab al-Katib karangan Ibnu Qutaybah daripada Abi Abdullah Muhammad bin Humayd. Beliau kemudiannya pergi menunaikan haji dengan mengikut jalan al-Iskandariah. Beliau sempat membaca al-Quran kepada Abi Tahir al-Salafi dan ulama lain-lain dalam perjalanan tersebut. Imam al-Syatibi adalah seorang yang mendalam pengetahuannya dalam bidang ilmu Islam dan Bahasa Arab. Selain daripada ingatan beliau yang kuat dan akal yang tajam, beliau juga memiliki akhlak yang tinggi dan mulia, tidak memandang dunia, takut pada hukum Allah, hanya hadir mendengar bacaan murid-muridnya dengan berwuduk dan beliau pernah menderita sakit tetapi tidak menzahirkan kesakitannya. Beliau adalah seorang yang tinggi kesabarannya dan tahap penyerahan dirinya kepada Allah. Apabila ditanya tentang hal keadaan beliau akan hanya menjawab dengan katanya sihat atau baik (Muhammad Musa al-Syarif, 2009).

## **MATAN AL-SYATIBI “HIRZ AL-AMANI WA WAJH AL-TAHANI”**

*Matan* yang dikarang oleh Imam al-Syatibi dalam bentuk nazam atau sya'ir atau kumpulan bayt dan setiap susunan paragrafnya dilengkapi dengan *wazan* dan *qafiyah* sehingga mempermudah individu yang mempelajari Ilmu *Qira'at* untuk menghafalnya. *Matan* ini memuat 111 halaman dan mengandungi sekitar 65 bab merangkumi bahagian *muqadimah*, *Usul al-Qira'at*, *Farsy al-Huruf* dan penutup. Ia melibatkan sebanyak 1173 bait nazam atau sya'ir. *Matan Hirz al-Amani* yang dikenali juga dengan *Matan al-Syatibi* ini membahaskan tentang variasi *Qira'at* al-Qur'an *mutawatir* yang diriwayatkan oleh para Imam *Qira'at* Tujuh, iaitu: Imam Nafi', Imam Ibnu Kathir, Imam Abu 'Amr, Imam Ibnu 'Amir, Imam 'Asim, Imam Hamzah, dan Imam 'Ali al-Kisa'i. Pembahasan Ilmu *Qira'at* dalam *Matan al-Syatibi*. *Matan Hirz al-Amani* atau *Matan al-Syatibi* ini seluruh *baytnya* dikenali juga *Qasidah al-Lamiyah* kerana pada akhir *bayt* dengan [ۖ].

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode analisis teks. Pendekatan ini dipilih melakukan analisis teks terhadap *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* dengan tujuan memahami struktur bab dalam *Usul Qira'at*. Analisis ini melibatkan penelitian terhadap *Usul*

*Qira'at* yang terkandung dalam *matan* tersebut seterusnya memperincikan *Usul Qira'at* yang berkaitan dengan bacaan Hafs 'an 'Asim.

## **Pengumpulan Data**

Dalam pengumpulan data, pengkaji akan melibatkan kaedah dalam proses menyiapkan kajian ini menerusi kajian Perpustakaan (*Library Research*) / Dokumentasi iaitu mengumpulkan data-data daripada sumber data dan dokumen-dokumen. Metode ini bertujuan bagi memperolehi dokumen-dokumen dan data-data yang diperlukan semasa melakukan penelitian terhadap sumber-sumber utama menerusi kitab-kitab yang menghuraikan *Matan Hirz al-Amani*.

## **Penganalisisan Data**

Setiap maklumat dan bahan yang diperolehi, dikaji dengan teliti agar kajian yang dilakukan berkualiti dan bermutu dapat dihasilkan. Pada peringkat ini, pengkaji akan menggunakan metode-metode dalam proses penganalisisan data seperti Metode Induktif dan Metode Deduktif iaitu kajian yang bermula daripada kaedah umum diikuti aplikasinya terhadap contoh-contoh khusus.

## **Deskriptif Analisis**

Deskriptif analisis ialah kaedah untuk membuat kesimpulan dengan melakukan analisis terhadap data-data yang diperolehi. Segala data yang ditemui akan diolah dan dianalisis secara kritis untuk menghasilkan kajian yang kritis dan sempurna.

## **KONSEPTUAL KAJIAN**

Secara konseptual, kajian mengenai Ilmu *Qira'at* seperti kajian metodologi Hafs 'an 'Asim, memerlukan pemahaman mendalam tentang beberapa konsep utama yang menjadi asas kepada ilmu ini. Antaranya ialah:

1. *Usul Qira'at*: Ia merangkumi metodologi dan kaedah seseorang perawi yang mengambil bacaan al-Qur'an daripada imam masing-masing. Setiap perawi memiliki metodologi tersendiri yang perlu diikuti tanpa berlaku percampuran dalam metodologi tersebut.
2. *Matan al-Syatibi*: *Matan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* karangan Imam al-Syatibi menjadi rujukan utama dalam memahami kaedah *Usul Qira'at al-Sab'*. Ia adalah teks yang mengandungi panduan dan susunan kaedah bacaan bagi *Qira'at* Tujuh yang *mutawatir*.
3. Analisis Teks: Pendekatan ini penting dalam kajian *Qira'at* untuk memahami struktur dan kaedah bacaan seperti yang diterangkan dalam teks-teks klasik, khususnya *Matan al-Syatibi*. Melalui analisis teks, pengkaji dapat meneliti setiap metodologi dan cara bacaan yang didasarkan kepada sumber yang muktabar.

Konsep-konsep ini memberikan rangka teori untuk memahami bagaimana variasi *Qira'at* dapat diamalkan dalam konteks bacaan al-Qur'an yang tepat menurut riwayat.

## **HASIL KAJIAN DAN ANALISIS**

Dalam Ilmu *Qira'at*, *Usul Qira'at* adalah merujuk kepada *manahij Qurra'* atau kaedah-kaedah utama yang selalunya berulang-ulang pada kalimah-kalimah dalam al-Quran. *Matan Hirz al-Amani* pada bahagian *Usul Qira'at* merangkumi bab-bab yang penting iaitu:

### ***al-Isti'azah***

Penerangan tentang wajah-wajah yang harus pada *Isti'azah* sebelum membaca al-Quran. Berlaku juga perbezaan pada hukum bacaannya sama ada sunat atau wajib. Jumhur ulama berpendapat bacaan *Isti'azah* adalah sunat. Menurut Riwayat Hafs 'an 'Asim terdapat empat wajah bacaan *al-Isti'azah* dengan *basmalah* dan awal surah. Pertama, *waqaf* pada *al-Isti'azah, basmalah*. Kedua, *waqaf* pada *al-Isti'azah* kemudian menyambung *basmalah* dengan awal surah. Ketiga, menyambung *al-Isti'azah* dengan *basmalah* dan *waqaf* padanya. Keempat, menyambung bacaan *al-Isti'azah* dengan *basmalah* dan awal surah.

### ***al-Basmalah bayn al-Suratayn***

Para *Qurra'* berselisih pendapat pada hukum bacaan *Basmalah* di antara dua surah. Sebahagiannya menetapkan bacaan *Basmalah* dan sebahagian yang lain pula tidak menetapkannya. Menurut bacaan Hafs mesti disertai *basmalah* di antara dua surah kecuali Surah al-Anfal dengan Surah al-Taubah dan terdapat tiga wajah yang diharuskan. Pertama, *waqaf* pada akhir surah dan *basmalah*. Kedua, *waqaf* pada akhir surah dan menyambung *basmalah* dengan awal surah. Ketiga, menyambung akhir surah dengan *basmalah* dan menyambung *basmalah* dengan awal surah. Bagi bacaan akhir al-Anfal dan al-Taubah pula maka wajah bacaannya adalah pertama, *waqaf* pada akhir Surah al-Anfal kemudian membaca awal Surah al-Taubah tanpa *basmalah*. Kedua, menyambung akhir Surah al-Anfal dengan awal Surah al-Taubah tanpa *basmalah*. Ketiga, *sakta* pada akhir Surah al-Anfal dengan awal Surah al-Taubah juga tanpa *basmalah*.

### ***Surah Umm al-Qur'an***

Kalimah [مَالِكُ يَوْمَ الدِّين] pada Imam *Qira'at* berbeza pada wajah mereka. Sebahagiannya yang membaca dengan panjang iaitu dengan menetapkan huruf Alif dan sebahagian yang lain pula membaca dengan buang Alif. Begitu juga dengan kalimah [صَرَاطٌ] dan [الصَّرَاطُ] terdapat padanya perbezaan *Qira'at* sama ada dibaca dengan Huruf Sad, Huruf Sin dan *Isyam*. Bagi semua kalimah [لَدَيْهِمْ], [عَلَيْهِمْ], [إِلَيْهِمْ] dalam al-Quran terdapat perbezaan wajah bacaan dalam kalangan *Qira'at* Tujuh pada Huruf Ha sama ada dibaca dengan baris bawah atau baris hadapan. Bagi hukum *Mim al-Jam'* pula Qalun membaca dengan dua wajah iaitu dengan *sukun* dan *silah*. Imam Ibnu Kathir pula dengan *silah* sahaja manakala imam-imam lain membaca dengan *sukun* sahaja. Bagi Warsh disilahkan *Mim al-Jam'* apabila selepasnya Huruf

*Hamzah*. Bagi Riwayat Hafs ‘an ‘Asim dalam Surah *Umm al-Qur’ān* beliau membaca dengan menetapkan alif pada kalimah [مالك] ، membaca dengan Huruf Sad pada kalimah [الصراط, صراط] ] dan membaca dengan *sukun* sahaja pada *Mim al-Jam*‘.

### ***al-Idgham al-Kabir***

Secara umumnya, bacaan *Idgham Kabir* adalah khusus kepada bacaan al-Susi ‘an Abi ‘Amr manakala riwayat-riwayat yang lain tidak terlibat. Menurut Riwayat Hafs ‘an ‘Asim Tidak terdapat wajah bacaan *al-Idgham al-Kabir* bagi kalimah-kalimah yang dibincangkan dalam bab ini.

### ***Idgham al-Harfayn al-Mutaqaribayn fi Kalimah wa fi Kalimatayn***

Ia merupakan subtopik daripada hukum *Idgham Kabir* dan tidak terdapat wajah bacaan *al-Idgham al-Kabir* menurut Riwayat Hafs ‘an ‘Asim bagi kalimah-kalimah yang dibincangkan dalam bab ini.

### ***Ha’ al-Kinayah***

Bagi keadaan *Ha’ al-Kinayah* sebelumnya huruf mati dan selepasnya huruf berbaris maka Ibn Kathir akan membaca dengan *silah Ha’ al-Kinayah* seperti dalam kalimah [فيه هدى] manakala perawi-perawi yang lain membaca dengan tanpa *silah Ha’ al-Kinayah*. Walau bagaimanapun terdapat kalimah-kalimah tertentu yang berlaku perbezaan bacaan dan menyalahi kaedah umum antara perawi-perawi dalam kalimah-kalimah tertentu dalam al-Quran. Menurut Riwayat Hafs ‘an ‘Asim beliau membaca tanpa *silah Ha’ al-Kinayah* yang sebelumnya huruf mati dan selepasnya huruf berbaris seperti dalam kalimah [فيه مهانا] kecuali kalimah [ويتقه فولنك] ayat 69 Surah al-Furqan. Bagi kaimah [أرجه وأخاه, ألقه إليهم] maka Hafs membaca tanpa *silah* Huruf Ha berserta mati pada Huruf Qaf . Pada keadaan *Ha’ al-Kinayah* sebelum dan selepasnya huruf berbaris maka Hafs membaca dengan *silah* di semua tempat kecuali kalimah [يرضه لكم, أرجه وأخاه, ألقه إليهم] maka ia dibaca tanpa *silah* pada kalimah [يرضه لكم] dan *sukun* pada kalimah [ألقه إليهم] kedua-dua tempat dalam al-Quran dan [ألقه إليهم].

### ***al-Madd wa al-Qasr***

Bagi hukum *Mad al-Munfasil* Qalun dan al-Duri membaca dengan *qasr* dan *tawassut*, Ibnu Kathir dan al-Susi membaca dengan *qasr*, Warsh dan Hamzah membaca dengan *ishba‘*, manakala imam-imam lain termasuk Hafs ‘an ‘Asim membaca dengan *tawassut* sahaja. Bagi *Mad al-Muttasil* Warsh dan Hamzah membaca dengan *ishba‘* manakala imam-imam lain termasuk Hafs ‘an ‘Asim membaca dengan *tawassut* sahaja. Bagi Warsh bacaan *Mad al-Badal* adalah dengan *qasr*, *tawassut* dan *ishba‘*. Bagi *Mad Lin* beliau membaca dengan *tawassut* dan *ishba‘*. Perawi-perawi yang lain hanya dengan *qasr* sahaja pada dua mad tersebut.

### ***al-Hamzatayn min Kalimah***

Berdasarkan kaedah umum bagi *Qurra'* maka, Qalun dan Abu 'Amr membaca dengan *tashil* Huruf *Hamzah* kedua berserta *idkhal*, Warsh membaca dengan *tashil* Hamzah kedua tanpa *idkhal* dan *ibdal* *Hamzah* kedua dengan *ishba'*, Hisham membaca dengan *tahqiq* dan *tashil* berserta *idkhal* manakala perawi-perawi yang lain termasuklah Hafs 'an 'Asim membaca dengan *tahqiq* tanpa *idkhal* kecuali pada kalimah [أَعْجَمِيٌّ] maka Hafs membaca dengan *tashil* Huruf *Hamzah* kedua tanpa *idkhal*.

### ***al-Hamzatayn min Kalimatayn***

Bagi hukum *al-Hamzatayn min Kalimatayn al-Maftuhatayn* Qalun dan al-Bazzi membaca dengan *tashil* Huruf *Hamzah* pertama dengan *mad* dan *qasr*, Warsh dan Qunbul membaca dengan *tashil* Huruf *Hamzah* kedua dan *ibdal*. Wajah ketiga bagi Warsh adalah *ibdal* Huruf *Hamzah* kedua dengan Huruf *Ya'*. Bagi Abu 'Amr menggugurkan Huruf *Hamzah* yang pertama dengan *qasr* dan *mad*. Perawi-perawi yang lain termasuklah Hafs 'an 'Asim pula membaca kedua-dua Huruf *Hamzah* dengan *tahqiq*.

### ***al-Hamz al-Mufrad***

Bagi Warsh dan al-Susi kedua-duanya membaca dengan *ibdal* Huruf *Hamzah* mati kepada Huruf *Mad* apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terdapat juga perawi-perawi lain yang membaca dengan *ibdal* tetapi ia melibatkan kalimah-kalimah tertentu sahaja. Riwayat Hafs 'an 'Asim membacanya dengan *tahqiq* pada semua kalimah yang mengandungi *al-Hamz al-Mufrad* kecuali Huruf *Hamzah* mati yang didahului Huruf *Hamzah Wasal* ketika memulakan dengannya seperti [أَثْوَنِي] dan lain-lain. Selain itu, Hafs juga membaca dengan *ibdal* pada kalimah [ضَيْزِي] dalam Surah al-Najm.

### ***Naql Harakat al-Hamzah ila al-Sakin Qablaha wa al-Sakt***

Riwayat Warsh memindahkan (*naqal*) baris Huruf *Hamzah* kepada huruf akhir kalimah sebelumnya yang *sakin sahil* dan لـ *Ma'rifah*. Manakala Imam Hamzah membaca dengan saktah pada لـ *Ma'rifah* selepasnya Huruf *Hamzah* dan kalimah شـيئاً شـيئاً sama ada *marfu'*, *majrur* atau *mansub* dengan *khilaf* oleh Khallad. Bagi *sakin sahil* pula ia *khilaf* bagi Khalaf. Menurut bacaan Hafs pula, beliau membaca dengan tanpa *naqal* dan tanpa *saktah* pada kalimah-kalimah tersebut.

### ***Waqf Hamzah wa Hisham 'ala al-Hamz***

Ia merupakan bab khusus bagi bacaan Imam Hamzah dan Hisham pada kalimah yang terdapat Huruf *Hamzah* di pertengahan dan hujung kalimah. Walau bagaimanapun bagi Riwayat Hisham hanya melibatkan Huruf *Hamzah* di hujung kalimah. Bagi imam-imam yang lain termasuklah Hafs membaca dengan *tahqiq* Huruf *Hamzah* sama ada ketika *waqaf* atau *wasal*.

### ***al-Izhar wa al-Idgham (Bab al-Tifaqihim fi Idgham Idh wa Qad wa Ta' al-Ta'nith wa Hal wa Bal)***

Bab ini menyatakan hukum tentang *izhar* dan *idgham* bagi huruf-huruf tertentu dalam al-Quran. Terdapat huruf-huruf yang sepakat dalam kalangan Imam-imam *Qira'at al-Sab'* yang sepakat padanya *idgham* dan sebahagiannya *khilaf*.

#### ***al-Izhar wa al-Idgham (Dhikr Dhal Idh)***

Para Imam Tujuh berselisih pendapat pada mengidghamkan atau mengizharkan Huruf Dhal [إذ] ke dalam enam huruf iaitu Huruf *Ta'* seperti kalimah [إذ تبرأ], Huruf *Zay* seperti kalimah [إذ زين], Huruf *Sad* seperti dalam kalimah [إذ صرفنا], Huruf *Dal* seperti dalam kalimah [إذ دخلوا], Huruf *Sin* seperti dalam kalimah [إذ سمعتموه] dan Huruf *Jim* seperti dalam kalimah [إذ جاءوكم]. Pada kalimah-kalimah tersebut Hafs hanya membaca dengan *izhar* sahaja.

#### ***al-Izhar wa al-Idgham (Dhikr Dal Qad)***

Dalam bab ini juga para Imam Tujuh berselisih pendapat sama ada mengidghamkan atau mengizharkan Huruf *Dal* pada kalimah [قد] ke dalam lapan huruf iaitu Huruf *Sin* seperti dalam kalimah [لقد سمع], Huruf *Zho* seperti dalam kalimah [لقد ظلمك], Huruf *Zay* seperti dalam kalimah [لقد زين], Huruf *Jim* seperti dalam kalimah [لقد جاءكم], Huruf *Sad* seperti dalam kalimah [لقد زدناهم] dan Huruf *Syin* seperti dalam kalimah [لقد شغفها]. Pada kalimah-kalimah tersebut Hafs hanya membaca dengan *izhar* sahaja.

#### ***al-Izhar wa al-Idgham (Dhikr Ta' al-Ta'nith)***

Para Imam *Qiraat* Tujuh juga berbeza bacaan pada *Ta' Ta'nith* sama ada *izhar* atau *idgham* apabila bertemu enam huruf iaitu Huruf *Sin* seperti dalam kalimah [نزلت سورة], Huruf *Tha'* seperti dalam kalimah [كذبت شمود], Huruf *Sad* seperti dalam kalimah [حضرت صدورهم], Huruf *Zay* seperti dalam kalimah [خبت زدناهم], Huruf *Zho* seperti dalam kalimah [كانت ظالمة] dan Huruf *Jim* seperti dalam kalimah [وجبت جنوبها]. Pada kalimah-kalimah tersebut Hafs hanya membaca dengan *izhar* sahaja.

#### ***al-Izhar wa al-Idgham (Dhikr Hal wa Bal)***

Imam *Qira'at* Tujuh juga berbeza bacaan sama ada *idgham* atau *izhar* apabila [بل] dan bertemu lapan huruf iaitu Huruf *Ta'*, *Tha'*, *Zho'*, *Sin*, *Nun*, *Tho'* dan *Dhod*. Apabila [بل, هل] bertemu dengan huruf-huruf tersebut, maka Hafs hanya membaca dengan *izhar* sahaja.

#### ***Huruf Qarubat Makharijuha***

Pada bab ini juga para Imam *Qira'at* Tujuh berbeza cara bacaan sama dibaca *idgham* atau *izhar* apabila bertemu dua huruf yang hampir dari sudut *makhrajnya* seperti Huruf *Ba* mati bertemu Huruf *Fa*, Huruf *Lam* mati bertemu Huruf *Zal*, Huruf *Zal* mati bertemu Huruf *Ta'* dan

lain-lain lagi. Ia juga melibatkan kalimah-kalimah yang tertentu dalam al-Quran. Pada kalimah [يَلْهُثْ ذَكْ] dalam Surah al-A'raf dan [ارکب معنا] dalam Surah Hud Hafs membaca dengan *idgham*.

### ***Ahkam al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin***

Bab ini menyatakan tentang Hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin* apabila bertemu Huruf-huruf *Hija'iyyah* selepasnya. Imam-imam *Qira'at al-Sab'* sepakat dalam hukum berkaitan *Izhar Halqi*, *Idgham Ma'al Ghunnah*, *Idgham Bila Ghunnah*, *Ikhfa' Haqiqi* dan *Iqlab* kecuali Khalaf 'an Hamzah yang membaca dengan *Idgham Bila Ghunnah* sahaja apabila *Nun Sakinah* dan *Tanwin* bertemu Huruf *Waw* dan *Ya*.

### ***al-Fath wa al-Imalah wa Bayna al-Lafzayn wa Bayna al-Lafzayn***

Bab ini menyatakan tentang perbezaan sebutan bacaan dalam kalangan Imam-imam *Qira'at al-Sab'* sama ada *al-Fath*, *al-Imalah* dan *al-Taqlil* Huruf Alif. Hafs membaca dengan *fath* sahaja pada kalimah-kalimah yang berkaitan dengan bab ini seperti pada kalimah *zat al-ya'* dan lain-lain kecuali pada kalimah [مَجْرِي] dalam Surah Hud Hafs membacanya dengan *imalah* Huruf *Ra'*.

### ***Madhab al-Kisa'iyy fi Imalah Ha' al-Ta'nith***

Bab ini khusus bagi Imam al-Kisa'i yang membaca dengan *Imalah Ha' al-Ta'nith* ketika waqaf dan tidak melibatkan imam-imam *Qira'at* yang lain.

### ***Madhabibhim fi al-Ra'at***

Warsh menipiskan bacaan Huruf *Ra'* yang berbaris atas dan berbaris depan dengan 3 syarat: Sebelum Huruf *Ra'* terdapat Huruf *Ya'* yang *sukun*. Contohnya: بَشِّيرًا وَنَذِيرًا: Sebelum huruf *Ra'* terdapat huruf yang berbaris bawah dalam satu kalimah. Contoh: سَرَاجًا: Sebelum huruf *Ra'* terdapat huruf *sukun* yang bukan Huruf *Isti'la'*. Contohnya: إِحْرَامٍ. Adapun imam-imam yang lain termasuklah Hafs membaca dengan *tafkhim* iaitu tebal pada kalimah-kalimah tersebut.

### ***al-Lamat***

Warsh akan menebalkan huruf lam yang berbaris atas sama ada bertasyid atau tidak sekiranya sebelum huruf lam terdapat huruf (ص) atau (ط) atau (ظ) dan ketiga-tiga huruf tersebut berbaris *sukun* atau pun berbaris atas. Contohnya kalimah الصَّلَاة، الصَّلَاح، مَطْلَع، إِنْلَاح. Adapun imam-imam yang lain termasuklah Hafs membaca dengan *tarqiq* iaitu tipis pada kalimah-kalimah tersebut dan kalimah-kalimah yang berkaitan dengan bab ini.

### ***al-Waqf ‘ala Awakhir al-Kalim***

Pada bab ini menyatakan tentang wajah-wajah bacaan Imam *Qira’at* apabila *waqaf* pada kalimah-kalimah dalam al-Quran seperti *waqaf* dengan *sukun*, *roum* dan *isymam* mengikut keadaan-keadaan pada baris dan keharusan wajah yang boleh dibaca pada kalimah tersebut. Bagi Hafs dan imam-imam *Qira’at* lain apabila *waqaf* pada kalimah berbaris atas maka mereka membaca dengan *sukun* sahaja. Apabila kalimah tersebut berbaris bawah pula, maka harus dibaca dengan *sukun* dan *roum* manakala bagi kalimah yang berbaris hadapan pula maka harus dibaca dengan *sukun*, *roum* dan *isymam*.

### ***al-Waqf ‘ala Marsum al-Khatt***

Pada bab ini, berlaku juga perbezaan wajah bacaan dalam kalangan Imam *Qira’at* Tujuh berdasarkan kalimah-kalimah tertentu ketika *waqaf* sama ada mengikut zahir pada tulisan atau tidak seperti dalam kalimah (رحمت) dan lain-lain lagi. Secara umumnya, bacaan Hafs adalah mengikut zahir pada tulisan.

### ***Madhabibihim fi Ya’at al-Idafah***

*Ya’at al-Idafah* adalah *Ya’at al-Mutakallim* yang ditambah pada kalimah asal. Bahagian *Ya’at al-Idafah* yang berlaku perbezaan bacaannya adalah berdasarkan: Pertama, *Ya’at al-Idafah* yang selepasnya *Hamzah Qata’ Maftuhah* (هـ) terdapat dalam 99 tempat. Contoh: إِنِي أَخَافٌ [معنی أَبَا] dalam Surah al-Taubah dan kalimah [مَعْنَى أُرْحَمْنَا] dalam Surah al-Mulk. Kedua, *Ya’at al-Idafah* yang selepasnya *Hamzah Qata’ Maksurah* (هـ) terdapat dalam 52 tempat. Contohnya seperti dalam kalimah وَحْزَنَى إِلَى اللَّهِ: Pada keadaan yang kedua ini, Hafs membaca *Ya’* dengan baris atas pada kalimah [إِنْ أَجْرِيَ إِلَى اللَّهِ] dalam Surah al-Maidah, kalimah [وَأَمَى إِلَيْهِنَّ] dalam Surah Yunus dan kalimah [إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ] dalam Surah al-Syu’ara’. Ketiga, *Ya’at al-Idafah* yang selepasnya *Hamzah Qata’ Madmumah* (هـ) terdapat dalam 10 tempat. Contohnya kalimah إِنِي أَمْرَتُ. Pada keadaan yang ketiga ini, Hafs membaca dengan *sukun* Huruf *Ya’* pada semua tempat dalam al-Quran. Keempat, *Ya’at al-Idafah* yang selepasnya *Alif Lam al-Ta’rif* (أـلـ) terdapat dalam 14 tempat. Contohnya kalimah عَبَا دِي الصَّلْحُونُ : Pada keadaan yang keempat ini, Hafs membaca Huruf *Ya’* dengan baris atas pada lima (5) perkataan [عَبَادِي] yang berada dalam surah Ibrahim, Ankabut, Zumar, Anbia dan Saba’. Berikutnya adalah kalimah [إِنْ أَرَدْنِي اللَّهُ بَضْرُ] dalam Surah al-Zumar, kalimah [عَاتَنِي الْكِتَبُ] dalam Surah al-Baqarah, kalimah [سَأَصْرَفُ عَنْ إِيمَانِي الدِّينِ] dan [حَرَمَ رَبِّي الْفَوْحَشَ] dalam Surah al-A’raf, kalimah [إِنْ أَهْلَكْنِي اللَّهُ] dalam Surah al-Mulk, kalimah [مَسْنِي الْضَّرُّ] dalam Surah al-Anbia’ dan kalimah [مَسْنِي الشَّيْطَنَ] dalam Surah Sad. Kelima, *Ya’at al-Idafah* yang selepasnya *Hamzah Wasal Mufrodah* (هـ) terdapat dalam 7 tempat seperti kalimah إِنِي اصْطَفَيْتُكَ. Pada keadaan yang kelima ini, Hafs membaca Huruf *Ya’* dengan *sukun* pada semua tempat. Keenam, *Ya’at al-Idafah* yang selepasnya huruf-huruf selain dari *Hamzah Qata’* atau *Hamzah Wasal* terdapat pada 30 tempat dalam al-Quran seperti dalam ayat وَمَحِيَا إِي وَمَمَا تَى لَهُ [مَحِيَا إِي] dalam Surah al-An’am, kalimah [وَجَهَى لَهُ] dalam Surah Ali-‘Imran dan Surah al-An’am, kalimah [بَيْتَنِي لِلظَّاءِفِينَ] dalam

Surah al-Baqarah dan Surah al-Hajj, kalimah [مَالِي لَا أَرَى الْهُدَى] dalam Surah al-Naml, kalimah [وَمَا كَانَ لَيْ عَلِيكُمْ] dalam Surah Sad dan kalimah [مَا كَانَ لَيْ مِنْ عِلْمٍ] dalam Surah Ibrahim. Seterusnya Hafs membaca Huruf Ya' dengan baris atas pada kalimah [مَعِي] yang terdapat pada lapan tempat dalam al-Quran iaitu dalam Surah al-A'raf, [فَأَرْسَلْتُ مَعِي بْنَ إِسْرَائِيلَ] dalam Surah al-Taubah, [مَعِي صَبْرًا] pada tiga tempat dalam Surah al-Kahf, [مَعِي عَدُوا] من معى [وَذَكَرَ مِنْ قَبْلِي] dalam Surah al-Anbia', [إِنْ مَعِي رَبٌّ سَيِّدُنَا] dalam Surah al-Syu'ara' dan [مَعِي رَدْءَاءً] [بِصَدْقَى] dalam Surah al-Qasas.

### ***Ya'at al-Zawa'id***

*Ya'at al-Zawa'id* ialah Huruf-huruf Ya' yang menjadi penambahan pada bacaan mengikut tulisan Mashaf Uthmani dan perbahasannya adalah sama ada Ya' tersebut dibuang dalam bacaan atau dikekalkan. Pada bab ini juga berlaku perbezaan wajah bacaan dalam kalangan Imam *Qira'at* Tujuh. Pada kalimah-kalimah yang dibincangkan dalam bab ini Hafs membaca dengan *hazaf* Huruf Ya' sama ada ketika *waqaf* atau *wasal* kecuali dua wajah bacaan pada kalimah [ءَاتَانَ اللَّهُ] dalam Surah al-Naml. Pada kalimah tersebut Hafs membacanya dengan *hazaf* iaitu tanpa Ya' dan *ithbat* iaitu dengan Ya ketika *waqaf* manakala ketika *wasal* pula Hafs membacanya dengan Ya' berbaris atas.

### **KESIMPULAN**

Analisis metodologi bacaan Hafs 'an 'Asim mengikut tertib bab *Usul Qira'at* berdasarkan *Matan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* yang lebih terperinci dan bersistematik seperti yang disusun oleh Imam al-Shatibi sangat membantu memudahkan individu mempelajari variasi *Qira'at* yang lain pula. Oleh itu, kajian ini menekankan pentingnya penelitian mendalam terhadap teks-teks utama untuk memahami kaedah pembacaan yang diterima dalam pengajian *Qira'at* dan memastikan bahawa bacaan tersebut mengikuti metodologi yang tepat.

### **RUJUKAN**

- Abd Rahman Abd Ghani. (2023). *Syarah Usul Qiraat Matan al-Syatibiyyah*. Penerbit KPIJ Press, MARSAH, Johor.
- Ahmad, Abu al-Qasim 'Ali bin 'Uthman bin Muhammad. (2004). *Siraj al-Qari' al-Mubtadi' Wa Tizkar al-Muqri'* al-Muntahi Sharh Nazm al-Syatibiyyah, cet ke-1, Tanta, Dar al-Sahabah Li al-Turath.
- al-Dabba', 'Ali Muhammad. (2003). *Kitab al-Taysir Fi al-Qira'at al-Sab'*, cet ke-1, Kaherah, Maktabah al-'Ilm.
- al-Dabba', 'Ali. (1928). *Taqrib al-Naf'*. Matba'ah al-Halabi.
- Felza Zulhibri Abd Hamid. (2010). "Riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi : Kajian Perbandingan Antara Tariq al-Shatibiyyah dan Tariq al-Jazari". Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Habsy, Muhammad. (2001). *al-Shamil Fi al-Qira'at al-Mutawatirah*. Dar al-Kalim al-Tayyib.

- al-Hafiz, al-'Ilmi Khalid bin Muhammad. (1996). *al-Minah al-Ilahiyyah Fi Jam 'al-Qira'at al-Sab 'Min Tariq al-Shatibiyyah*. Madinat al-Munawwarah, Maktabah Dar al-Zaman Li al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- al-Husayn, al-Musili Abu 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad. (2008). *Kanz al-Ma'ani Sharh Hirz al-Amani* cet ke-1, Tanta, Dar al-Sahabah Li al-Turath.
- Ibn Mujahid, Abu Bakr Ahmad bin Musa bin al-'Abbas. (2007). *Kitab al-Sab 'ah Fi al-Qira'at*. Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath.
- Ibrahim, 'Abd al-Rahman bin Isma'il. (t.t.). *Ibraz al-Ma'ani Min Hirz al-Amani Fi al-Qira'at al-Sab'*. Kaherah, Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladihi.
- Ikmal Zaidi Hasyim. (2008). Abu Bakr ibn Mujahid dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Ilmu Qira'at Berasaskan *Kitab al-Sab 'ah*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Janayini, Khalil. (1925). *Hidayat al-Qurra' wa al-Muqri'in*. Matba'ah al-Ma'ahid.
- Khalawayh, Abu 'Abdillah al-Husayn bin Ahmad. (1992). *I'rab al-Qira'at al-Sab'* cet ke-1. Makkat al-Mukarramah: Maktabat al-Khanji.
- Muhammad al-Nuri, 'Ali. (1955). *Ghaith al-Naf*. Maktabah al-Halabi.
- Muhammad, 'Abd al-Halim. (1999). *al-Qira'at al-Qur'aniyyah*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Mushaf al-Qur'an al-Karim. (1988). Madinat al-Munawwarah, Wizarat al-Hajj wa al-Auqaf fi al-Mamlakat al-'Arabiyyah wa al-Su'udiyyah.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah, 'Abd al-Ghani. (2008). *al-Budur al-Zahirah Fi Qira'at al-'Ashr al-Mutawatirah Min Tariqay al-Syatibiyyah wa al-Durrah*. Kaherah, Dar al-Salam.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah. (1995). *al-Wafi Fi Syarh al-Syatibiyyah Fi al-Qira'at al-Sab'*. Madinat al-Munawwarah, Maktabat al-Dar.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah. (2003). *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Kaherah, Maktabat al-Azhar.
- Sabri Mohamad, Mohd Faizulamri Mohd Saad. (2010). *Dinamika Ilmu Qira'at Qur'aniyyah*, cet ke-1, Selangor, Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salih, 'Abd al-Karim Ibrahim. (2011). *Irshad al-Qurra' Fi al-Waqf Wa al-Ibtida'*. Kitab Kuliyat al-Qur'an al-Karim Li al-Qira'at Wa 'Ulumiha, cet ke-1, Tanta.
- Shaharudin Saad. (2007). "Tajwid al-Qur'an Tariq al-Shatibi dan al-Jazari Riwayat Hafs 'an Asim: Pengamalannya Di Ma'had Tahfiz Darul Qur'an Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)". Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- S al-uyuti, Jalal al-Din. (2004). *Syarh al-Syatibiyyah*. Shari' al-Khalifah, Mu'assasah Qurtubah al-Syaqansi. (t.t.). *'Umdat al-Qari'in wa al-Muqri'in*. Tunisia, Dar al-Kutub al-Wataniyyah.
- al-Syatibi, Ahmad al-Qasim bin Firruh bin Khalaf. (1996). *Matn al-Syatibiyyah al-Musamma Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani Fi al-Qira'at al-Sab'*, cet ke-3. al-Madinat al-Munawwarah, Maktabah Dar al-Huda.
- 'Uthman, 'Amir Sayyid. (2008). *Risalah Turuq al-'Asyrah Min Tariq al-Tayyibah Wa Risalah Turuq Ruwat al-Asyrah Min Tahbir al-Taysir*, cet ke-1, Tanta, Dar al-Sahabah Li al-Turath.